

27 MAR 2001

LEAD Chong-Tugas (Bergambar)

OSU SERAH TUGAS KEPADA CHONG

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Datuk Chong Kah Kiat hari ini memulakan tugas sebagai Ketua Menteri Sabah selepas mengangkat sumpah jawatan itu pagi ini.

Majlis penyerahan dan penerimaan tugas antara Chong dan ketua menteri lama Datuk Osu Sukam berlangsung di pejabat Ketua Menteri di Tingkat 28, bangunan Yayasan Sabah di sini pada pukul 11.30 pagi.

Osu telah menamatkan tempoh dua tahun sebagai Ketua Menteri mengikut sistem penggiliran jawatan itu.

Penyerahan tugas oleh Osu berlangsung kira-kira sejam selepas Chong mengangkat sumpah jawatan itu di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri.

Kedua-dua pemimpin kelihatan ceria pada majlis itu dengan Osu, 52, mengucapkan "selamat bertugas" kepada Chong, 53, sebelum kedua-dua mereka berjabat tangan sambil Osu menyerahkan satu fail dari pejabat Ketua Menteri kepada penggantinya itu.

Hari pertama Chong menjalankan tugas sebagai Ketua Menteri menandakan satu lagi peristiwa peralihan kuasa mengikut sistem penggiliran yang unik diperkenalkan di Sabah sejak Barisan Nasional mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri pada Mac 1994.

Sistem perkongsian kuasa itu bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- menerajui kerajaan negeri secara bergilir-gilir dengan masing-masing memegang jawatan Ketua Menteri selama dua tahun.

Peralihan kuasa hari ini turut menandakan bermulanya format baru 2-1-1 sistem penggiliran itu yang akan menyaksikan pemimpin Bumiputera Islam dari Umno diberi peluang memegang jawatan ketua menteri dua kali berbanding sekali bagi pemimpin kaum Cina dan Bumiputera bukan Islam dalam satu kitaran penggiliran itu.

Format berkenaan diumumkan Perdana Menteri 16 Mac lepas bagi mengiktiraf kedudukan Umno Sabah selaku parti terbesar di negeri ini.

Dengan sistem baru itu, Chong, 53, anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat dan mewakili kaum Cina, akan memegang tampuk pemerintahan kerajaan negeri itu untuk tempoh dua tahun sebelum ia sekali lagi digilirkan kepada pemimpin Bumiputera Islam dari Umno.

Setakat ini belum diketahui apa peranan yang bakal dimainkan Osu selepas ini, bagaimanapun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Sabah selama dua hari pada hujung minggu lepas berkata beliau sedang memikirkan perkara itu.

-- BERNAMA

HAK NT JS RON